

07 AUG 2003

MAHATHIR-BOM

INSIDEN PENGEBOMAN DI JAKARTA TIADA KESAN KE ATAS KDNK NEGARA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinan bahawa insiden pengeboman hotel di Jakarta baru-baru ini tidak akan memberi kesan ke atas KDNK (keluaran dalam negara kasar) negara.

KDNK negara dijangka bertumbuh pada kadar 4.5 peratus pada tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia telah mengambil tindakan berjaga-jaga dan akan terus meningkatkan pengawasan bagi memastikan insiden-insiden sedemikian tidak akan berlaku di negara ini.

Sambil merujuk kepada tanggapan sesetengah pihak yang melabelkan Malaysia zalim kerana mengenakan tindakan ISA, beliau berkata, "nak pilih yang mana, bom dulu meletup baru tangkap atau sebelum meletup kita dah tangkap?".

Kepada soalan sama ada pendekatan yang diambil oleh Amerika Syarikat dalam menangani masalah keganasan ada kaitan dengan hal ini, Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu mepersalahkan sesiapa.

Pendekatan oleh AS, katanya, tidak akan mengurangkan ancaman daripada pengganas malah ianya akan berterusan selagi masalah tersebut tidak ditangani.

"Kalau ambil langkah berjaga-jagapun, sehari kita boleh berehat tapi ia akan jadi balik," tambahnya lagi.

Sebelum itu, Dr Mahathir telah menamakan satelit pencerapan bumi kedua Malaysia RazakSAT sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri Malaysia yang kedua Allahyarham Tun Abdul Razak.

RazakSAT ialah sebuah satelit pencerapan bumi yang membawa kamera apertur sederhana dan berupaya mengambil imej digital pada resolusi 2.5 meter pankromatik dan 5.0 meter pelbagai spektrum.

Ia telah dibangunkan bersama oleh Astronautic Teknologi (M) Sdn Bhd dan Satreco Co. Ltd dari Korea Selatan.

RazakSAT dijangka dilancarkan ke orbit pada pertengahan bulan Ogos 2004. -- BERNAMA

WNZ AHM ITEM STORED AS: MD038 M41 00291 EB 07-08 1444 pembedulan
MAHATHIR BOM INSIDEN PE